

BAB 2

MAK YONG SECARA UMUM

2.0 DEFINISI MAK YONG

Menurut Kamus Dewan 'Mak Yong' adalah sandiwara yang mempertunjukkan cerita digabungkan dengan tarian dan nyanyian sekaligus (Dr. Teuku Iskandar, 1989:791). Mak Yong juga didefinisikan sebagai suatu bentuk dramatari Melayu yang menggabungkan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian yang distailais, terisi dengan muzik, vokal dan lagu instrumental, cerita dan teks percakapan yang formal dan bersahaja. Zaiton (1991:5) dalam tulisanya 'Mempertahankan Mak Yong' menegaskan bahawa Mak Yong sebenarnya adalah tarian sambil berlakon

2.1 ISTILAH MAK YONG

Mak Yong dahulu dikenali sebagai satu permainan dipercayai wujud sebelum kedatangan Islam ke negara ini. Permainan ini dipercayai ada kaitan dengan upacara pemujaan roh. Mengikut Mubin Sheppard, *Yong* atau *Yang* adalah merupakan variasi dari *Hiang* iaitu perkataan Melayu lama yang membawa maksud *divinity*. *Ma Hiang* adalah merupakan *Roh Ibu* bagi masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam. Roh Ibu ini dipercayai sebagai berpengaruh besar ke atas aktiviti penanaman padi. Dengan kata lain Roh Ibu yang dipercayai sebagai roh padi ini dipercayai sebagai berpengaruh besar ke atas penanaman padi (KKBS, 1981:1).

Istilah Mak Yong dikatakan berasal dari nama *Mak Hiang* dan dipercayai mempunyai persamaan dengan Dewi Seri iaitu Dewi Hindu Jawa (Ghulam-Sawar Yousof, 1979:31). *Mak Hiang* ini dipuja dalam bentuk tarian dan drama. Oleh itu banyak pendapat mengatakan bahawa ia dipercayai berasal dari kepercayaan animisme dan kepercayaan amalan perbomohan. Perkataan Mak Yong juga dikaitkan dengan perkataan *moyang* dan *pyang* iaitu keturunan dalam konsep kekeluargaan masyarakat Melayu. *Moyang* dan *pyang* sering dikaitkan dengan semangat keluarga. Berkemungkinan perkataan *moyang* dan *pyang* juga ada kaitan dengan perkataan *pawang* atau *bomoh* iaitu orang yang berkebolehan berhubung dengan dunia luar (Mubin Sheppard, 1983:33). Dalam konteks persembahan Mak Yong, *pawang* atau *bomoh* ini bertindak sebagai pembuka tirai persembahan dan bertindak sebagai orang perantaraan dalam perkara yang melibatkan elemen ritual.

Istilah atau perkataan Mak Yong juga dikaitkan dengan perkataan yang disebut dalam permainan Mak Yong. Sebutan *Yo de* dan *Yo* sering terdapat dalam permainan Mak Yong. Ini kerana dalam permainan Mak Yong *Yo de* merupakan ungkapan yang digunakan bagi memanggil anak, manakala anak akan menyahut dengan menyebut *Yo*. Dengan kata lain, *Yo* adalah si anak. Ibu kepada *Yo* digelar Mak Yong manakala bapanya pula dipanggil Pak Yong. Dari sinilah dipercayai titik mula timbulnya perkataan Mak Yong.

2.2 MITOS ASAL USUL MAK YONG

Terdapat banyak pendapat mengenai mitos asal usul Mak Yong. Namun ada di antaranya mempunyai persamaan.

Menurut Bahari Abdullah dalam bukunya 'Asal Usul Mak Yong', Mak Yong berasal dari kisah seorang puteri raja yang telah kehilangan sebarang cincin iaitu cincin pertunangannya. Kerana bimbang dimarahi oleh ayahandanya lalu puteri itu meminta pertolongan dari anjing belakannya yang bernama 'Belang'. Anjing ini bersetuju untuk mendapatkan kembali cincin tersebut dengan syarat puteri mestilah membenarkan ia (anjing) tidur bersama. Atas persetujuan tersebut Belang berusaha mencari cincin tersebut. Setelah cincin tersebut ditemui, setiap malam Belang tidur bersama tuan puteri sehinggalah disedari bahawa tuan puteri telah mengandung. Kerana bimbang akan dimurkai oleh ayahandanya lalu puteri dan Belang melarikan diri dengan pertolongan seorang inang (pengasuh). Mereka kemudiannya telah bersembunyi di gua Kerbang sehinggalah puteri melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama *Awang*.

Belang yang bertanggungjawab untuk mencari makanan telah ditembak mati di sebuah tempat bernama *Padang Hang* tanpa di ketahui oleh tuan puteri. Setelah kehilangan Belang, tanggungjawab mencari makanan dipikul oleh inang dan puteri. Awang yang ditinggalkan keseorangan merasa bosan lalu pergi bermain-main dengan anak penduduk berdekatan gua tersebut. Beliau sering diejek sebagai anak tidak berbapa. Awang merasa terlalu sedih dan mendesak ibunya menceritakan siapakah bapanya. Akibat desakan tersebut akhirnya tuan puteri memberitahu Awang dia adalah anak seekor anjing bernama Belang. Kerana teringatkan Belang; puteri, Awang dan dayang telah

mengambil keputusan untuk pergi mencari Belang yang hilang. Mereka kemudiannya mendapat tahu bahawa Belang telah mati dibunuh. Untuk mendapatkan bukti mereka terus mencari bangkai si Belang. Akhirnya mereka menjumpai tulang dan tengkorak Belang.

Bagi menghiburkan hati, Awang telah mencipta alat muzik yang dipanggil *Rebab* daripada tengkorak Belang. Setiap kali rebab dibunyikan, Tuan puteri akan menyanyi dan menari mengikut bunyinya. Kemerduan bunyi rebab telah menyebabkan penduduk sekitar berhimpun lalu mengadakan keramaian. Dalam setiap persembahan, tuan puteri beraksi sebagai puteri raja manakala Awang beraksi sebagai putera raja yang saling menyintai. Akhirnya dua beranak ini benar-benar jatuh cinta dan berkelakuan sumbang. Tindakan mereka ini menimbulkan kemarahan penduduk kampung lalu *Yong* (halau) mereka keluar kampung. Mereka kemudiannya berpindah ke Patani dan pantai timur bagi membuat persembahan. (Keterangan lanjut lihat Bahari Abdullah, Asal Usul Mak Yong; 1965)

Terdapat juga lagenda yang mengaitkan Mak Yong dengan kerajaan Siam. Raja Siam dikatakan telah menghadiahkan puterinya patung seekor anjing untuk di jadikan permainan. Setelah dewasa, puteri tersebut telah memohon kepada ayahandanya supaya patung anjing itu dijelmakan menjadi seekor anjing yang benar-benar hidup. Permintaan ini telah dikabulkan oleh ayahandanya. Kerana sayang kepada anjing tersebut maka setiap malam puteri tidur bersama anjing tersebut. Akhirnya puteri mendapati dirinya hamil. Raja Siam amat murka lalu memerintahkan anjing tersebut dibunuh dan ditanam di suatu tempat yang dirahsiakan dari pengetahuan tuan puteri. Tuan puteri sangat

bersedih hati di atas kehilangan anjing kesayangannya itu. Dengan pertolongan dayang istana puteri mendapat tahu anjing tersebut telah dibunuh lalu menggali kubur anjing tersebut. Oleh kerana terlalu kasihan melihat kesedihan puterinya, Raja Siam telah mencipta satu alat bunyian daripada kepala anjing itu bagi tujuan menghiburkan hati puteri. Alat ini kemudian dikenali sebagai Rebab yang merupakan alat muzik yang penting dalam persembahan Mak_Yong. Alat ini kemudiannya dimainkan dengan iringan tarian dan nyanyian. Dari sinilah dipercayai bermulanya persembahan yang dipanggil Mak Yong. Versi ini ada sedikit persamaan dengan versi (i). Namun begitu sehingga kini tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Dalam versi yang lain, Mak Yong dikatakan berasal dari upacara magis dan ritual yang terdapat dalam upacara-upacara yang diadakan di zaman animisme. Ia merupakan upacara memuja nenek moyang atau *Ma Hiang* atau roh semangat ibu yang bertanggungjawab menjaga tanaman padi yang menjadi sumber ekonomi masyarakat pada masa itu. Dalam persembahan ini seorang bomoh akan menjadi perantaraan bagi mewakili pihak raja dan rakyat untuk mendapat pertolongan dari semangat ibu. Upacara ini dilakukan berulang-kali dan akhirnya menjadi satu pesta atau keramaian dan berbentuk hiburan.

Terdapat pula versi yang mengatakan bahawa Mak Yong ini berasal dari kisah dua beradik penjaga lembu. Keasyikan mereka terhadap gerak geri dahan, lintuk-liuk ranting dan lambaian daun-daun yang ditiup oleh angin menyebabkan mereka melahirkan semula aksi-aksi tersebut dalam bentuk lagu dan tari. Aksi mereka ini mendapat perhatian orang kampung lalu tersebar hingga ke Istana Raja Patani. Bagi menambahkan keindahan, persembahan ini telah diiringi oleh beberapa peralatan muzik dan

memaparkan cerita-cerita yang menarik. Dari sinilah dipercayai persembahan Mak Yong berkembang di istana dan di khaskan untuk persembahan di istana.

2.3 SEJARAH ASAL USUL PERKEMBANGAN MAK YONG

Sebagaimana dengan penentuan istilah Mak Yong, begitu juga dengan penentuan sejarah dan asal-usul Mak Yong. Ketiadaan bukti-bukti bertulis mengenainya menyukarkan penentuan sejarah asal-usul Mak Yong. Terdapat banyak pandangan dan lagenda asal-usul Mak Yong telah dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji di mana cerita-cerita ini dipercayai diperturunkan secara lisan di kalangan anggota yang memainkan peranan dalam persembahan Mak Yong.

Mohamed Afandi dalam kajiannya menyebut bahawa Mak Yong dipercayai berasal dari Setiu iaitu sebuah kawasan yang dahulunya di bawah kerajaan negeri Kelantan tetapi kini di bawah kerajaan negeri Terengganu. Menurut kajian beliau, Setiu ini sebenarnya bernama Padang Permaisuri. Menurut lagenda yang diperturunkan atau diceritakan secara lisan, ketika Sultan Abdullah iaitu Raja Padang Permaisuri hendak mengadakan majlis mengkhatankan anaknya, baginda mengarahkan dipersembahkan dua belas ragam permainan atau persembahan seperti Asyik, Joget, Menora, Wayang Topeng dan lain-lain termasuklah Mak Yong. Kesemua persembahan tadi dapat dipersembahkan kecuali Mak Yong. Seorang pengasuh istana telah diarah pergi ke hulu negeri. Pengasuh kemudiannya telah bertemu dengan seekor Batak Putih (Lotong/Kera) yang boleh berkata-kata. Pengasuh tersebut telah diberitahu oleh Batak Putih tersebut bahawa Mak Yong sememangnya wujud di negeri Padang Permaisuri itu dan dipercayai berasal dari

kisah orang tiga beranak. Orang tiga beranak ini iaitu Pak Yong bernama Cik Mubin, isterinya Mak Yong dan anaknya Awang. Ketika orang tiga beranak ini bermain-main di bawah sebatang pokok besar, mereka telah dilanda ribut lalu berguguranlah ranting-ranting dan daun-daun ke tanah. Mereka cuba mengelak diri dari ditimpa oleh ranting-ranting tersebut. Aksi dan telatah tiga beranak ini ketika cuba mengelak dari ditimpa ranting-ranting telah melahirkan bentuk gerakan tarian dalam persembahan Mak Yong (Keterangan lanjut, lihat Mohamed Afandi Ismail, 1975:366). Adalah di percayai permainan ini disembahkan di istana Kelantan.

Pendapat yang mengatakan bahawa Mak Yong berasal dari negeri Kelantan telah disokong dengan tujuh bukti-bukti yang di kaitkan dengan apa yang disebutkan di dalam cerita dengan persekitaran. Contohnya Luas Saujana Padang yang terdapat dalam cerita-cerita Mak Yong dikaitkan dengan Padang Permaisuri yang terletak di antara Kampung Buluh dengan Kampung Penarikan Besut. Lain-lain bukti telah diperjelaskan secara terperinci oleh beliau dalam kajiannya. (keterangan lanjut, lihat Mohamed Afandi Ismail, 1975:366-368).

Terdapat juga teori yang mengatakan bahawa Mak Yong dipercayai berasal dari Sumatera dan begitu popular di kalangan istana. Ia di asaskan oleh masyarakat Batak. Hal ini terlihat di mana dalam Hikayat Mak Yong sering disebut *Maka Raja Batak* dan lain-lain lagi yang ada kaitan dengan nama-nama suku kaum di Sumatera. Adalah dipercayai terjadinya peperangan di Sumatera menyebabkan seorang raja yang tewas dalam peperangan itu melarikan diri bersama pengikutnya lalu mendarat di Terengganu iaitu di

Padang Raja. Permainan ini kemudiannya dipelajari oleh penduduk Kelantan untuk dipersembahkan di istana raja.

Persembahan Mak Yong juga dipercayai mula dipersembahkan di Patani di zaman pemerintahan empat orang Raja Permaisuri Patani iaitu Raja Ijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning dalam tempoh pemerintahan dari 1585 hingga 1680. Salah seorang dari Raja Permaisuri ini telah berkahwin dengan Sultan Pahang iaitu Sultan Abdul Ghafar manakala seorang lagi telah berkahwin dengan Sultan Johor III iaitu Sultan Abdul Jalil. Oleh itu dipercayai dari sinilah bermulanya persembahan Mak Yong berkembang di Tanah Melayu.

Mubin Sheppard (1972:5-11) mengatakan bahawa :

“ Mak Yong is the oldest form of Malay drama and has been performed in Pattani and Kelantan for hundreds of years ”.

Kenyataan beliau menunjukkan terdapat hubungan antara kedua-dua kerajaan dalam permainan Mak Yong. Perjanjian Inggeris-Siam (1909) meletakkan Patani sebagai sebuah negeri di wilayah selatan Thai. Berdasarkan kepada faktor geopolitik dan ethnografi yang wujud sejak tahun masihi 400 lagi, Semenanjung Tanah Melayu merangkumi Segenting Kera (Isthmus of Kra) iaitu Kerajaan Liger, Patani, Langkasuka dan Temasik (Singapura) di Selatan (Mubin Sheppard, 1972:5-11). Kesamaan dialek orang Melayu Kelantan dengan orang Melayu Patani memungkinkan bahawa Mak Yong berkembang dari istana Patani ke istana Kelantan. Tambahan pula dikatakan bahawa terdapat hubungan kekeluargaan antara raja Patani dan raja Kelantan.

Catatan Peter Flores dalam lawatannya ke istana Patani berhubung dengan lawatan Sultan Pahang dan rombongan dalam tahun 1612 telah diraikan oleh Raja Perampuan Patani dengan satu bentuk persembahan. Beliau mencatatkan bahawa:

“ The Queen (of Patani) sente for us to the Courte, whereas was a honour of the King of Pahang; and there was playde a commedye all by women, to the manner of Jawa, which was apparelled very antickly (i.e grotesquely), very pleasente to beholde, so as I double not have seen in the lyke in any place”

(dalam Mohamed Afandi Ismail, 1975: 370)

Berdasarkan kepada catatan Peter Flores yang dianggap sebagai catatan pertama mengenai Mak Yong maka ada tanggapan bahawa Mak Yong berasal dari Patani. Namun begitu menurut Hikayat Patani dan huraian Peter Flores terhadap lawatannya ke Patani tidak menyebut permainan Mak Yong. Oleh yang demikian adalah tidak mungkin persembahan Mak Yong dipersembahkan dalam abad ke 17 di istana Raja Ijau Patani.

Menurut Ghulam-Sarwar Yousof, bukti yang menunjukkan bahawa Mak Yong telah dipersembahkan dalam abad ke 19 telah dikemukakan oleh Frank Swettenhem, yang mengatakan Mak Yong bukan dari jenis istana (Ghulam-Sarwar Yousof, 1979:31). Adalah juga berkemungkinan dalam abad ke 17 Mak Yong dipersembahkan di Kelantan. Namun begitu Almarhum Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj telah menyatakan bahawa Mak Yong adalah satu kebudayaan Melayu yang dilakukan di Balai Seri Rong di Patani dan Kelantan dan di sinilah tercapai kehalusan yang tinggi (Zaiton Nasir, 1991:5).

2.4 SEJARAH KEGIATAN MAK YONG DI KELANTAN

Adalah dipercayai bahawa aktiviti kesenian di Kelantan berkembang di bawah pemerintahan *Cik Siti Wan Kembang* atau digelar Siti oleh saudagar-saudagar Arab. (Siti Zainon Ismail, 1985:8). Pada waktu ini juga permainan Mak Yong turut diperkembangkan. Sehingga tahun tiga puluhan (30an) permainan Mak Yong berada di bawah naungan Kesultanan Kelantan. Sebelum peristiwa Banjir Air Merah di Kelantan (1926) Mak Yong telah diiktiraf sebagai hiburan istana oleh Tengku Temenggung Ghaffar iaitu seorang Putera Raja Kelantan. Beliau telah membina sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Kampung Temenggung (Kampung Raja) sebagai pusat aktiviti kebudayaan. Pemain-pemain Mak Yong ditempatkan di kampung ini bagi menjalankan latihan harian demi menjaga mutu persembahan. Mereka diberi perlindungan sepenuhnya oleh pihak istana. Pada waktu ini Mak Yong bergerak dalam institusi yang dikawal oleh pihak pemerintah. Dalam tempoh pemerintahan Sultan Ismail Ibni Sultan Muhammad IV, permainan Mak Yong telah dijadikan satu daripada permainan rasmi dalam keramaian-keramaian istana.

Perang dunia kedua dan pengaruh kedatangan British ke Kelantan mengakibatkan berlakunya kegawatan ekonomi di kalangan istana. Ini ditambah pula dengan kemangkatan Tengku Temenggung telah melenyapkan tradisi pengawalan kesenian dari istana. Anak-anak Mak Yong yang dahulunya di bawah naungan istana mula bergerak secara sendirian. Kebanyakan kumpulan Mak Yong ditubuhkan oleh pasangan suami-isteri dan dipersembahkan di kampung-kampung. Ini menyebabkan berlakunya kemerosotan mutu persembahan dari segi cerita, tari dan lagunya. Golongan penonton

yang terdiri dari orang-orang kampung lebih berminat kepada gaya persembahan yang mudah dan lakonan yang banyak mengandungi unsur-unsur komedi rendah yang boleh membuatkan mereka ketawa. Tempoh persembahan cerita-cerita Mak Yong yang dahulunya memakan masa empat hingga lima malam telah dipendekkan. Begitu juga dari segi nyanyian, dialog dan tarian juga dipendekkan bagi mengelakkan kebosanan penonton.

Selepas perang dunia kedua, Mak Yong mula dikomersialkan. Dengan kata lain Mak Yong mula menjadi hiburan berbayar. Sesebuah kampung atau kumpulan akan menjemput satu kumpulan Mak Yong yang terkenal bagi membuat persembahan dan kumpulan ini akan diberi bayaran atau upah. Bagi kumpulan yang tidak terkenal mereka akan menganjurkan persembahan dengan mengenakan bayaran kepada penonton. Jika di zaman pimpinan istana anak-anak Mak Yong diberikan didikan agama secara khusus, namun kini mereka mula bebas. Masalah moral mula terjadi di kalangan anak-anak Mak Yong. Adakalanya anak-anak Mak Yong menjadi anak joget selepas selesai persembahan dan mereka diberi ganjaran atau saguhati.

Keruntuhan moral anak-anak Mak Yong menyebabkan pada akhir tahun enam puluhan (60an), minat mempelajari Mak Yong berkurangan. Hanya penari-penari yang lanjut usia yang membuat persembahan. Kemasukan budaya popular telah memberi kesan yang paling hebat dalam memudahkan minat generasi muda terhadap persembahan Mak Yong. Boleh dikatakan bahawa Persembahan Mak Yong berada di peringkat tenat pada waktu itu.

Menyedari akan hakikat bahawa nilai-nilai estetik di dalam Mak Yong perlu dipelihara, kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi tujuan tersebut. Mak Yong di sebarkan melalui rancangan-rancangan di radio. Pada tahun 1969 telah diadakan 'International Conference of Traditional Drama and Music of Southeast Asia' di Kuala Lumpur. Persidangan ini telah memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memulihara Mak Yong melalui latihan yang perlu diberikan kepada generasi muda. Langkah tegas telah diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Tan Sri Mubin Sheppard. Menyedari hakikat ini maka anak-anak Mak Yong di zaman Tengku Temenggung telah dilantik untuk melatih generasi muda. Ini adalah bertujuan bagi mengekalkan keaslian Mak Yong itu sendiri. Sebuah Kumpulan belia yang diberi nama Kumpulan Seri Temenggung telah bergiat aktif dalam usaha memulihara keaslian persembahan Mak Yong hingga ke hari ini.

Pada tahun 1969 Kumpulan Seri Temenggung (KST) telah ditubuhkan bertujuan untuk memperjuangkan kesenian tradisional. Kumpulan ini dipelopori oleh Puan Khatijah Awang yang mendapat bimbingan daripada Cik Kemala iaitu seorang anak Mak Yong yang terkenal di zaman Tengku Temenggung. Pada awal penubuhan KST telah mendapat tentangan dari masyarakat. Hal ini menyebabkan Kumpulan Seri Temenggung sukar menambah keahlian. Namun begitu akibat dari kegigihan mereka pada tahun yang sama semasa Festival Asia di Kuala Lumpur, kumpulan ini telah diberi peluang untuk membuat persembahan. Ini telah menyuntik semangat perjuangan KST untuk meneruskan aktiviti Mak Yong. Bermula dari sini juga KST mula mendapat perhatian

ramai dan menerima banyak undangan di dalam dan luar negara. Melalui persembahan-persembahan ini Mak Yong Kelantan telah menular keluar dari negeri Kelantan.

Ekoran dari perubahan sistem pemerintahan di Kelantan maka Mak Yong kini tersisih di negeri Kelantan. Mak Yong yang dianggap oleh segelintir masyarakat di Kelantan sebagai permainan tradisional yang bertentangan dengan agama. Bagi memastikan seni teater tradisional ini tidak hilang begitu sahaja maka kursus Mak Yong secara formal telah diadakan di Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Kursus teater Mak Yong ini diletakkan di bawah pimpinan Puan Khatijah Awang iaitu seorang primadona Mak Yong dari Kumpulan Seri Temenggung (KST). Pemilihan pelatih dari Kumpulan Seri Temenggung bertujuan untuk memastikan agar estetika dan keaslian Mak Yong dapat dikekalkan. Kini Mak Yong berkembang dan diperjuangkan di luar Kelantan. Ia telah diperkenalkan sehingga ke peringkat antarabangsa seperti juga teater-teater tradisional negara lain.

2.5 MAK YONG DARI BEBERAPA ASPEK

2.5.1 Aspek Ritual

Telah dibincangkan di awal tadi bahawa Mak Yong mengandungi unsur-unsur ketuhanan. Istilah Mak Yong itu sendiri dipercayai berasal dari nama *Ma Hiang* iaitu nama semangat roh ibu (roh padi). Dalam konteks ini jika kita lihat bahawa latar belakang masyarakat pada waktu itu adalah merupakan golongan nelayan dan petani. Oleh itu mereka banyak bergantung pada alam dan gejala alam. Penggantungan ini menyebabkan mereka melakukan pemujaan terhadap alam dan gejala alam. Upacara-

upacara pemujaan adalah bertujuan agar roh-roh yang menjaga tanaman dan lain-lain akan memberi restu dan seterusnya akan meningkatkan penghasilan dari sudut ekonomi. Upacara-upacara ini dilakukan oleh Poyang atau Pawang yang membawa maksud *Syaman* atau bomoh iaitu orang yang berkebolehan mendekatkan dirinya dengan dunia luar. Upacara pemujaan ini dilakukan menerusi persembahan Mak Yong.

Dalam persembahan ini Pawang berlagak sebagai perantara yang mewakili raja dan rakyat bagi tujuan meminta sesuatu. Upacara pemujaan terhadap alam dan gejala alam ini terdapat dalam lirik lagu menghadap rebab. Kepercayaan masyarakat terhadap unsur-unsur animisme dan perbomohan mendorong permainan Mak Yong dilakukan secara berterusan. Ianya menarik perhatian masyarakat. Akhirnya secara tidak sedar ia merupakan satu saluran pelepasan emosi masyarakat petani dan nelayan pada waktu itu.

2.5.2 Hiburan dan Persembahan

Mak Yong yang merupakan satu bentuk kesenian milik istana sebenarnya lahir di tengah masyarakat petani. Perkumpulan individu-individu dalam masyarakat berdasarkan dari faktor kekerabatan, ekonomi dan keselamatan membentuk satu interaksi sosial. Aktiviti yang mereka lakukan yang pada awalnya bagi tujuan keselamatan melahirkan satu bentuk kegiatan yang akhirnya berfungsi sebagai hiburan. Perubahan struktur masyarakat membawa kepada perubahan fungsi aktiviti mereka. Cara hidup masyarakat lampau yang menjalankan aktiviti ekonomi secara tradisional dan sering berinteraksi meningkatkan keperluan mereka terhadap kegiatan-kegiatan yang bertujuan keseronokkan.

Penghasilan bentuk-bentuk kesenian dalam masyarakat adalah berasaskan sistem pemikiran dan cara hidup masyarakat itu, ataupun bersifat *Moral Arts* iaitu lahir atas dasar keperluan yang khusus umpamanya ekonomi dan kepercayaan. Dalam konteks Mak Yong, ia lahir berkait dengan kegiatan ekonomi masyarakat yang banyak bergantung kepada alam dan juga dorongan oleh kepercayaan animisme yang berkait dengan semangat dan *kuasa halus* yang boleh diistilahkan sebagai *Folk-belief*. *Folk-belief* ini merupakan satu kepercayaan warisan dan ianya berbeza dari agama yang dianuti. Contoh *Folk-belief* ialah seperti kepercayaan di mana sekiranya seseorang itu demam yang berlarutan ia dikatakan telah ditegur oleh *penunggu*. Oleh itu, dalam persembahan Mak Yong terdapat nilai-nilai intrinsik yang terdiri dari kepercayaan warisan.

Kenyataan ini diperkuatkan dengan pandangan Richard Schechner melalui 'Performance Theory' (1977:155-157), yang dikemukakaninya. Beliau mengatakan bahawa sesuatu pesta bermula dengan tujuan memenuhi keperluan asas. Namun begitu ia akan berubah mengikut tempat dan persekitarannya. Menurutnya lagi, fungsi sesuatu hasil seni akan berubah apabila strukturnya berubah. Tempat persembahan pula mempunyai tiga fungsi iaitu :

- i. untuk menjalin dan mengekalkan hubungan yang akrab,
- ii. untuk membolehkan berlakunya pertukaran barangan, teman, hadiah atau teknologi,
- iii. untuk menunjukkan pertukaran/perkongsian pengalaman dalam bidang seni.

Tengku Temenggung Tengku Ghaffar telah mengiktirafkan persembahan Mak Yong sebagai hiburan istana dan menjadikan Mak Yong sebagai acara hiburan istana yang utama sehingga kira-kira tahun 1920an. Walaupun dipersembahkan dalam lingkungan istana tetapi persembahan ini terbuka kepada tontonan rakyat.

Kita sedia maklum bahawa apa yang indah dan menyenangkan boleh memberi hiburan. Bertolak dari situ beberapa pembaharuan telah dibuat terhadap persembahan Mak Yong apabila ia tidak lagi berada di bawah naungan raja. Pakaian dan keseluruhan gaya persembahan diperbaharui sesuai dengan fungsinya. Ruang bagi persembahan juga telah berubah. Jika pada awalnya permainan bertujuan untuk memuja semangat, kini telah berubah menjadi satu hiburan setelah masyarakat menganuti agama Islam. Pembangunan yang pesat dan tiada kawalan istana menyebabkan ia berubah menjadi permainan yang dipersembahkan kepada rakyat dan dikomersialkan. Terdapat banyak perubahan dan perbezaan antara persembahan tersebut.

Dalam persembahan Mak Yong, beberapa perkara telah diubah suai bagi bersesuaian dengan fungsinya sebagai hiburan. Watak Mak Yong (peranan lelaki) dimainkan oleh pelakon wanita. Gaya persembahan dan pakaian diperhalusi bagi memenuhi ciri-ciri persembahan sebagai hiburan. Berdasarkan teori seni sejagat, ia ada di mana saja manusia membina kehidupannya, kerana ia berpunca dari keperluan lahir dan batin serta berkaitan dengan nilai kepercayaan yang telah menjadi darah daging. Samada sesebuah kesenian itu berasal dari istana ataupun dalam masyarakat desa, ia tetap merupakan hasil seni bersama. Gabungan aspek ritual dan hiburan sejak beberapa abad telah menyempurnakan Mak Yong sebagai satu genre teater. Namun begitu keunikannya

sebagai satu persembahan ditonjolkan melalui gabungan seni rupa, seni pergerakan dan seni suara.

Pementasan Mak Yong memerlukan sebuah pentas yang biasanya merupakan sebuah bangsal yang diperbuat daripada kayu, atap atau buluh yang tidak berdinding. Ini bertujuan untuk memudahkan penonton menyaksikan persembahan tersebut dari setiap sudut. Biasanya ia berukuran sebelas perpuluhan lima meter persegi (11.5m persegi) dan lebih kurang 0.762 meter lantainya dari paras bumi untuk membolehkan persembahan itu ditonton dengan jelas (Ghulam-Sarwar Yousof (Sirih Pinang), 1983: 32).

Persembahan Mak Yong di istana biasanya diadakan di Balai Rong Seri atau di perkarangan istana. Dalam persembahan Mak Yong kesemua aksi dilakukan oleh pelakon atau pemain Mak Yong di kawasan tengah gelanggang. Tegasnya dari sudut persembahan, Mak Yong merupakan satu bentuk drama tari di mana terdapat imbalan antara tarian, muzik dan nyanyian.

Dalam konteks masa kini persembahan Mak Yong telah menerima banyak perubahan. Antaranya, ia tidak lagi dipersembahkan di bangsal tetapi dipersembahkan di dalam dewan yang berhawa dingin. Mak Yong masa kini tidak lagi menjadi hiburan peringkat istana dan kampung tetapi telah diangkat sebagai hiburan tradisional yang tinggi tarafnya dan hiburan rakyat yang bertaraf antarabangsa. Ritma perubahan yang berlaku pada persembahan dikatakan oleh Schchner sebagai disebabkan oleh tiga isian iaitu:

- i. perkumpulan/berkumpul/khalayak
- ii. memainkan peranan, aksi dan aksi-aksi (pelakon)

iii. Berpisah/bersurai

Khalayak yang berkumpul bertujuan untuk menikmati persembahan yang dipersembahkan. Sedikit sebanyak persembahan tersebut mengusik emosi dan menambahkan pengalaman khalayak. Selesai persembahan, khalayak bersurai dan berpisah. Namun begitu, mereka tetap memperkatakan dan memikirkan persoalan dan penyelesaian yang dikemukakan dalam persembahan. Mereka kemudiannya berkumpul semula bila ada persembahan yang lain.

2.6 KESIMPULAN

Jelas dapat kita lihat bahawa asal-usul Mak Yong masih tidak dapat dipastikan hingga ke hari ini kerana ketiadaan bukti bertulis yang sahih. Oleh yang demikian terdapat pelbagai mitos yang dikaitkan dengan asal-usul Mak Yong. Hal ini terjadi kerana cerita-cerita Mak Yong diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Ini menyebabkan berlakunya tokoh tambah pada pokok cerita.

Namun kebelakangan ini, terdapat beberapa cerita Mak Yong ditulis dalam bentuk skrip. Ini bertujuan supaya cerita-cerita ini dapat didokumentasikan dan dijadikan bahan rujukan ilmiah oleh para pelajar dan penyelidik yang berminat membuat kajian terhadap teater tradisi masyarakat Melayu. Selain dari itu ini juga merupakan langkah ke arah memulihara kesenian warisan bangsa agar tetap hidup dan dapat dipertontonkan kepada generasi akan datang. Dengan cara ini mereka mengenali dan sentiasa ingat kepada akar kesenian tradisi mereka.